

SOALAN NO: 42

undang negara. Daripada jumlah tersebut, 1,931 merupakan laman berunsur lucah, manakala 328 adalah laman berunsur perjudian yang disekat berdasarkan permohonan rasmi dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Selain daripada itu, tindakan sekatan juga dilaksanakan berdasarkan permohonan dan punca kuasa agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Bank Negara Malaysia (BNM) dan sebagainya, termasuklah terhadap laman-laman iklan yang memudaratkan dan melanggar undang-undang negara.

Sebagai langkah lanjutan, pihak MCMC turut mengambil langkah proaktif dengan menggerakkan inisiatif berbentuk pendidikan dan kesedaran di seluruh negara, yang antara lain bertujuan mendidik dan menggalakkan para pengguna Internet mengamalkan kawalan sendiri, menggunakan Internet secara positif, serta memupuk budaya penggunaan media baru secara bijaksana.

Antara usaha terkini pihak MCMC adalah inisiatif aplikasi saringan sendiri kandungan oleh ibu bapa yang dikenali sebagai "*Parental Control Tools*". Inisiatif yang digerakkan dengan kerjasama pihak penyedia perkhidmatan Internet (ISP) ini bertujuan mengupayakan pengguna Internet, khususnya golongan ibu bapa, dengan kemudahan untuk memantau dan menyaring kandungan yang diakses oleh keluarga serta anak-anak secara kawalan sendiri, bagi mengelakkan penularan kandungan yang tidak diingini.